

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

14  
DEC

## PROFESOR FARMASI KUPAS SEJARAH PENGGUNAAN DAN PENEMUAN TERKINI HERBA SENSASI - KETUM



PULAU PINANG, 14 Disember 2017 - Ketum berpotensi digunakan sebagai ubat penahan bagi sakit kronik (melebihi 12 minggu seperti sakit sendi dan sakit belakang) dan ubat untuk rawatan penagihan dadah khususnya untuk mengawal 'Withdrawal Syndrome'.

Di samping itu, ia juga berpotensi digunakan sebagai terapi gantian (replacement therapy) serta ubat baharu untuk rawatan kemurungan (depression).

Potensi ketum ini telah dicadangkan oleh Profesor Dr. Sharif Mahsufi Mansor dalam syarahan umum beliau yang bertajuk "Ketum (*Mitragyna speciosa*): Sejarah Penggunaan dan Penemuan Terkini" di Universiti Sains Malaysia (USM) hari ini.



Melalui hasil kajian beliau dan penyelidikan dari seluruh dunia, didapati bahawa ketum mempunyai potensi sedemikian kerana ketum mempunyai ciri-ciri yang lebih baik daripada ubat penahan sakit (analgesik) lain.

Namun begitu, kajian yang lebih lanjut diperlukan untuk melengkapkan maklumat berkenaan dengan aspek ketagihan yang biasa dikaitkan dengan ketum.

Pun begitu, kajian keselamatan jangka panjang dan kajian klinikal diperlukan untuk mengesahkan kegunaan ketum sebagai ubat penahan sakit baharu dan juga sebagai ubat untuk rawatan penagihan dadah.



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015